



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**MENGAPLIKASI TEORI ERIKSON, PIAGET DAN SUPER  
DALAM PEMBINAAN MODUL KESEDARAN KERJAYA UNTUK  
PELAJAR SEKOLAH MENENGAH RENDAH DI MALAYSIA**

**MOHD ALI BIN JAAMAT  
FPP 2010 8**



**MENGAPLIKASI TEORI ERIKSON, PIAGET DAN SUPER  
DALAM PEMBINAAN MODUL KESEDARAN KERJAYA  
UNTUK PELAJAR SEKOLAH MENENGAH  
RENDAH DI MALAYSIA**

**Oleh**

**MOHD ALI BIN JAAMAT**

**Tesis Ini Dikemukakan Kepada Sekolah Pengajian Siswazah,  
Universiti Putra Malaysia, Sebagai Memenuhi Keperluan  
Untuk Ijazah Doktor Falsafah**

**Februari 2010**



## DEDIKASI

KENANGAN ABADI UNTUK.....

IBU DAN BAPA YANG DIKASIHI DAN DIINGATI:

HAJJAH MINAH BINTI UJANG  
HAJI ABU BAKAR BIN LASIM  
ALLAHYARHAM JAAMAT BIN DAMAT

IBU DAN BAPA MERTUA YANG DIINGATI:

HAJJAH HALIMAH BINTI MUHAMMAD  
HAJI NORDIN BIN AYUB

ISTERI TERCINTA:

HAJJAH NOORLAILAWATI BINTI HAJI NOORDIN

ANAK-ANAK TERSAYANG:

MUHAMMAD NAIM BIN HAJI MOHD ALI  
MUHAMMAD AL-IMRAN BIN HAJI MOHD ALI  
NURATIQAHA 'ALIA BINTI HAJI MOHD ALI

SEMUA ADIK BERADIK SERTA AHLI KELUARGA YANG  
DIHORMATI

DENGAN IZIN DAN PERKENAN ALLAH S.W.T.  
DAN DOA RESTU KALIAN  
AKHIRNYA HAMBAMU BERJAYA MENYIAPKAN TESIS INI.

SYUKUR ALHAMDULILLAH.

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia  
sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah

**MENGAPLIKASI TEORI ERIKSON, PIAGET DAN SUPER DALAM  
PEMBINAAN MODUL KESEDARAN KERJAYA UNTUK PELAJAR  
SEKOLAH MENENGAH RENDAH DI MALAYSIA**

Oleh

**MOHD ALI BIN JAAMAT**

**Februari 2010**

**Pengerusi: Sidek bin Mohd. Noah, PhD**

**Fakulti: Pengajian Pendidikan**

Kajian ini bertujuan untuk membina Modul Kesedaran Kerjaya (MKK) yang mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi. Di samping itu pengkaji akan melihat kesan penggunaan MKK ke atas tahap kesedaran kerjaya pelajar di sekolah menengah di Negeri Sembilan. MKK yang dibina oleh pengkaji adalah sebuah modul motivasi berbantuan fasilitator untuk memudahkan guru bimbingan dan kaunseling sekolah melaksanakan program khusus bagi menilai dan melihat tahap kesedaran kerjaya pelajar di peringkat awal sekolah menengah. MKK terdiri daripada empat unit topik utama dan mengandungi 12 aktiviti yang perlu dilaksanakan ke atas pelajar.

Kombinasi reka bentuk kajian deskriptif dan kajian eksperimen telah digunakan. Kajian deskriptif bertujuan untuk menguji kesahan kandungan MKK dengan bantuan penilaian lima orang pakar modul berserta enam orang

guru bimbingan dan kaunseling yang bertauliah. Kajian ini juga ingin menentukan kebolehpercayaan MKK. Untuk tujuan itu seramai 150 pelajar tingkatan dua daripada lima buah sekolah menengah di Negeri Sembilan telah dilibatkan.

Kajian eksperimen pula bertujuan untuk menentukan keberkesanan MKK ke atas tahap kesedaran kerjaya pelajar dengan menggunakan Inventori Kesedaran Kerjaya (IKK) yang dibangunkan oleh Fadale (1974) dan telah diubahsuai oleh Rohany Nasir dan Dasimah Jalun (1986). Subjek kajian terdiri daripada 300 orang pelajar tingkatan 2 daripada lima buah sekolah bawah pentadbiran Pejabat Pelajaran Daerah di Negeri Sembilan yang dipilih secara kombinasi persampelan rawak kelompok dan rawak mudah. Mereka kemudiannya dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu kumpulan eksperimen (150 orang) dan kumpulan kawalan (150 orang). Kumpulan eksperimen telah menerima rawatan menggunakan MKK sementara kumpulan kawalan tidak diberikan apa-apa rawatan. Analisis statistik inferensi menggunakan ujian-t bersandar dan ujian-t tidak bersandar dengan aras signifikan ditetapkan pada aras .01.

Keputusan kajian deskriptif menunjukkan bahawa Modul Kesedaran Kerjaya yang dibina mempunyai kesahan kandungan yang tinggi iaitu .93. Nilai pekali kebolehpercayaan Alpha Cronbach ialah .81. Kumpulan eksperimen menunjukkan peningkatan tahap kesedaran kerjaya berbanding kumpulan

kawalan yang tidak menunjukkan peningkatan tahap kesedaran kerjaya. Keputusan analisis inferensi menunjukkan: (i) terdapat peningkatan tahap kesedaran kerjaya yang signifikan antara nilai min ujian-pasca berbanding nilai min ujian-pra bagi kumpulan eksperimen, (ii) tidak terdapat peningkatan tahap kesedaran kerjaya yang signifikan antara nilai min ujian-pasca berbanding nilai min ujian-pra bagi kumpulan kawalan, dan (iii) terdapat perbezaan yang signifikan nilai min ujian-pasca antara kumpulan eksperimen dengan kumpulan kawalan bagi pembolehubah tahap kesedaran kerjaya. Sebagai rumusan, boleh disimpulkan bahawa Modul Kesedaran Kerjaya (MKK) yang telah dibina, berkesan dan sesuai digunakan bagi meningkatkan tahap kesedaran kerjaya pelajar di sekolah menengah.

Abstract of thesis presented to the Senate of University Putra Malaysia in fulfilment of the requirement for the degree of Doctor of Philosophy.

**APPLICATION OF ERIKSON THEORY, PIAGET AND SUPER TO DEVELOPE A CAREER AWARENESS MODULE FOR SECONDARY SCHOOL STUDENTS IN MALAYSIA**

By

**MOHD ALI BIN JAAMAT**

**February 2010**

**Chairman : Sidek bin Mohd Noah, PhD**

**Faculty : Educational Studies**

The objective of this research was to develop a Career Awareness Module (MKK) of high validity and reliability. Besides that, the researcher also examined the effectiveness of using MKK on career awareness amongst secondary school students in Negeri Sembilan. The MKK, is a fascilitator aided motivational module with the intention to help school counselors implement a program that will be specifically used to evaluate and observe career awareness level among lower secondary school students. The MKK comprises of four units consisting 12 activities which needed to be implemented on the students.

A combination of both descriptive and experimental research has been used. A descriptive research was used to test MKK'S validity by involving five module specialists and six counselors. Another aim of the research was to



determine the reliability of the MKK involving 150 Form 2 students from five secondary schools in Negeri Sembilan.

In addition, the experimental research was conducted to identify MKK's effectiveness on career awareness by using the Career Awareness Inventory (IKK) invented by Fadale (1974) and was later modified by Rohany Nasir and Dasimah Jalun (1986). The respondents were 300 Form 2 students from five schools chosen from five different District Education Offices in Negeri Sembilan. The samples were selected using a combination of group random sampling and simple random sampling. They were then divided into two groups, namely the experimental group (150 samples) and the controlled group (150 samples). The experimental group were given treatment using the MKK whilst the controlled group were not given any treatment. The inferential statistical analysis made use of dependent t-test, independent t-test with signification level at .01.

The results of the descriptive test showed that the MKK which was developed possessed a high validity value at .93. The Alpha Cronbach coefficient reliability is at .81. The results also indicate a rise in career awareness level among the experimental group as compared to the controlled group which failed to indicate any existence of career awareness among them. The inferential analysis results indicated: (i) the career awareness level showed a significant increase in the mean value of the post-test compared to the pre-test



for the experimental group, (ii) there was no significant increase of career awareness level in terms of mean value of the post-test compared to the pre-test for the controlled group, (iii) there were significant differences in the mean values of the post-test between the experimental and controlled group for the career awareness level variable. To conclude, the MKK which has been developed is an effective tool used to raise career awareness among secondary school students.

## PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Syukur Alhamdulillah, segala puji-pujian kepada Allah SWT, dan selawat serta salam ke atas junjungan Nabi Muhammad SAW. dengan berkat dan rahmatNya saya berjaya menyiapkan tesis ini. Saya amat bersyukur atas kekuatan, semangat serta kesabaran yang diberikan saya dapat menyiapkan tesis ini, walaupun terpaksa menempuh berbagai cabaran.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Prof. Madya Dr. Sidek Mohd Noah selaku pengerusi jawatankuasa penyeliaan yang telah banyak membantu dalam memberikan idea-idea bernas serta memberikan dorongan dan motivasi kepada saya sehingga berjaya menyiapkan tesis ini. Penghargaan juga ditujukan kepada ahli jawatankuasa penyeliaan tesis ini iaitu Dr. Hj. Jamaludin Ahmad dan Prof. Madya Dr. Rusnani Abdul Kadir yang telah membimbing saya dalam usaha menyiapkan tesis ini dari awal hingga akhir. Semoga bimbingan dan sumbangan mereka diberkati oleh Allah SWT.

Terima kasih dan penghargaan ini juga diberikan kepada pakar-pakar penilai kesahan kandungan Modul Kesedaran Kerjaya yang terdiri daripada, Dr. Hj. Jamaludin Ahmad dari Universiti Putra Malaysia, Prof. Madya Dr. Saedah

Abdul Ghani dari Universiti Sains Islam Malaysia, Dr. Johari Talib dari Universiti Kebangsaan Malaysia, Prof. Madya Dr. Azizi bin Yahya dari Universiti Teknologi Malaysia dan Dr. Hasnah Abdullah dari Institut Pendidikan Guru Kampus Raja Melewar.

Ucapan terima kasih dan penghargaan ini juga saya tujukan kepada semua pengetua, guru bimbingan dan kaunseling dari sekolah-sekolah yang terlibat dalam kajian ini iaitu SMK. Undang Jelebu, Kuala Klawang, SMK. Datuk Undang Musa Al-Haj, SMK. Tunku Ampuan Durah, Seremban, SMK. Datok Abdul Samad, Kuala Pilah, SMK. Undang Rembau dan SMK. Kampung Baru Sirusa, Port Dickson. Tidak lupa juga penghargaan ini ditujukan kepada pegawai-pegawai di Jabatan Pelajaran Negeri Sembilan dan di Pejabat Pelajaran Daerah Jelebu, Kuala Pilah, Rembau, Seremban dan Port Dickson yang telah memberikan kerjasama bagi menjayakan kajian ini. Kepada rakan-rakan pensyarah di Unit Pengajian Bimbingan dan Kaunseling Jabatan Ilmu Pendidikan, Institut Pendidikan Guru Kampus Raja Melewar diucapkan terima kasih atas sumbangan dan sokongan serta kerjasama yang diberikan semasa penulisan bagi menyiapkan tesis ini.

Akhirnya, rakaman penghargaan dan terima kasih ini ditujukan khas kepada isteri dan anak-anak yang sentiasa berkorban dan memahami kesukaran dan kesibukan saya bagi melengkapkan penulisan tesis ini. Kepada ibu dan bapa yang dikasihi, doa dan harapanmu amat dihargai dalam memberi ilham dan

semangat untuk terus menyiapkan tesis ini. Semoga Allah SWT memberi taufik dan hidayahNya kepada semua.

Mohd Ali bin Jaamat.

## PENGESAHAN

## PERAKUAN

Saya akui tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli melainkan petikan dan sedutan yang telah diberi penghargaan di dalam tesis. Saya juga mengaku bahawa tesis ini tidak dimajukan untuk ijazah-ijazah lain di Universiti Putra Malaysia.

.....  
MOHD ALI BIN JAAMAT

Tarikh: 08 November 2009

## KANDUNGAN

|                   | MUKA SURAT |
|-------------------|------------|
| DEDIKASI          | ii         |
| ABSTRAK           | iii        |
| ABSTRACT          | vi         |
| PENGHARGAAN       | ix         |
| PENGESAHAN        | xii        |
| PERAKUAN          | xiii       |
| SENARAI JADUAL    | xviii      |
| SENARAI RAJAH     | xx         |
| SENARAI SINGKATAN | xxi        |

## BAB

|           |                                |    |
|-----------|--------------------------------|----|
| <b>I</b>  | <b>Pengenalan KAJIAN</b>       |    |
|           | Pengenalan                     | 1  |
|           | Latar Belakang Kajian          | 1  |
|           | Model Teoritikal Kajian        | 13 |
|           | Pembinaan Modul                | 17 |
|           | Model Pembinaan Modul sidek    | 22 |
|           | Pernyataan Masalah             | 24 |
|           | Tujuan Kajian                  | 27 |
|           | Tujuan Khusus                  | 27 |
|           | Kesignifikanan Kajian          | 28 |
|           | Definisi Operasional           | 29 |
|           | Modul                          | 29 |
|           | Kesedaran Kerjaya              | 31 |
|           | Pelajar Sekolah Menengah       | 32 |
|           | Hipotesis Kajian               | 33 |
|           | Rumusan                        | 34 |
| <b>II</b> | <b>TINJAUAN KAJIAN LEPAS</b>   |    |
|           | Pengenalan                     | 35 |
|           | Latar Belakang Berkaitan Modul | 35 |
|           | Konsep Modul                   | 37 |
|           | Ciri-Ciri Modul                | 39 |
|           | Jenis-Jenis Modul              | 42 |
|           | Struktur Modul                 | 43 |
|           | Kegunaan Modul                 | 45 |
|           | Pembinaan Modul                | 47 |
|           | Kebaikan Modul                 | 53 |
|           | Penilaian Modul                | 54 |



|  |     |
|--|-----|
| Pengendali Modul   | 56  |
| Perkembangan Teori Kerjaya                                   | 57  |
| Teori Psikososial Erikson                                    | 58  |
| Teori Kognitif Piaget  | 63  |
| Teori Perkembangan Kerjaya Super                             | 69  |
| Teori Perkembangan Kerjaya                                   | 84  |
| Teori Perkembangan Kerjaya Ginzberg                          | 87  |
| Pendidikan Kerjaya   | 92  |
| Model-Model Pendidikan Kerjaya                               | 93  |
| Pendidikan Perkembangan Kerjaya Di Malaysia                  | 95  |
| Kajian-Kajian Lepas Yang Berkaitan                           | 101 |
| Kajian Berkaitan Kesedaran Kerjaya                           | 102 |
| Kajian Berkaitan Kematangan Kerjaya                          | 123 |
| Kajian Berkaitan Keberkesanan Modul                          | 127 |
| Rumusan  | 142 |
| <br>   |     |
| <b>III METODOLOGI KAJIAN</b>                                 |     |
| Pengenalan   | 144 |
| Reka Bentuk Kajian   | 145 |
| Kajian Deskriptif  | 145 |
| Kesahan MKK  | 146 |
| Kebolehpercayaan MKK   | 148 |
| Kajian Eksperimen  | 150 |
| Pemboleh Ubah Ekstranus                                      | 153 |
| Kawasan Kajian   | 154 |
| Populasi Kajian  | 156 |
| Subjek Kajian  | 156 |
| Kaedah Pemilihan Subjek                                      | 157 |
| Ujian Pra Subjek Kajian                                      | 159 |
| Pemilihan Subjek Kumpulan Eksperimen dan<br>Kumpulan Kawalan | 160 |
| Pemboleh Ubah Kajian   | 163 |
| Alat Ukuran Kajian   | 164 |
| Inventori Kesedaran Kerjaya (IKK)                            | 165 |
| Cara Pemarkahan IKK  | 169 |
| Kajian Rintis  | 171 |
| Menentukan Kesahan dan<br>Kebolehpercayaan IKK               | 173 |
| Modul Kesedaran Kerjaya (MKK)                                | 175 |
| Pelaksanaan Kajian   | 179 |
| Menentukan Kesahan dan<br>Kebolehpercayaan MKK               | 180 |
| Kajian Kesahan Kandungan MKK                                 | 184 |
| Kajian Rintis Kebolehpercayaan MKK                           | 186 |
| Eksperimen   | 189 |



|           |   |     |
|-----------|---|-----|
|           | Kesahan Eksperimen  | 189 |
|           | Kesahan Dalam   | 191 |
|           | Kesahan Luaran  | 195 |
|           | Tatacara Kajian   | 197 |
|           | Limitasi Kajian   | 200 |
|           | Pengumpulan Data  | 202 |
|           | Data Kesahan MKK  | 202 |
|           | Data Kebolehpercayaan MKK   | 203 |
|           | Data Kajian Eksperimen  | 203 |
|           | Penganalisan Data Statistik   | 204 |
|           | Rumusan   | 207 |
| <b>IV</b> | <b>DAPATAN KAJIAN</b>   |     |
|           | Pengenalan  | 208 |
|           | Dapatan Analisis Deskriptif   | 209 |
|           | Kesahan Kandungan MKK   | 209 |
|           | Kesahan Kandungan MKK Berdasarkan<br>Pandangan Pakar                              | 211 |
|           | Kebolehpercayaan MKK  | 215 |
|           | Dapatan Analisis Kajian Rintis  | 216 |
|           | Dapatan Analisis Guru Kaunselor Pelajar   | 216 |
|           | Dapatan Analisis Kebolehpercayaan<br>Kumpulan Kajian                              | 220 |
|           | Dapatan Analisis Keberkesanan MKK   |     |
|           | Analisis Inferensi  | 222 |
|           | Dapatan Analisis Ujian-t, Ujian-Pra dan<br>Ujian-Pasca Kumpulan Eksperimen        | 223 |
|           | Dapatan Analisis Ujian-t, Ujian-Pra dan<br>Ujian-Pasca Kumpulan Kawalan           | 224 |
|           | Dapatan Analisis Ujian-t, Ujian-Pasca<br>Kumpulan Eksperimen dan Kumpulan Kawalan | 226 |
|           | Perbincangan Keseluruhan Dapatan Kajian   | 228 |
|           | Keberkesanan Ujian Pra dan Ujian Pasca<br>Kumpulan Eksperimen                     | 228 |
|           | Keberkesanan Ujian Pra dan Ujian Pasca<br>Kumpulan Kawalan                        | 229 |
|           | Keberkesanan Ujian Pasca Kumpulan Eksperimen<br>Dan Kumpulan Kawalan              | 230 |
|           | Rumusan   | 230 |
| <b>V</b>  | <b>PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN</b>                                       |     |
|           | Pengenalan  | 232 |
|           | Perbincangan Alat Ukuran Kajian   | 233 |
|           | Perbincangan Alat Ukuran Kajian IKK   | 233 |

|  |         |
|--|---------|
| Perbincangan Alat Ukuran Kajian MKK  | 234     |
| Perbincangan Kesahan dan Kebolehpercayaan<br>Alat Ukuran Kajian              | 235     |
| Kesahan Kandungan MKK  | 236     |
| Kebolehpercayaan MKK   | 240     |
| Latar Belakang Responden   | 244     |
| Implikasi Kajian   | 245     |
| Implikasi Teoritikal   | 245     |
| Aplikasi Praktikal   | 247     |
| Cadangan Kepada Pihak Tertentu   | 251     |
| Cadangan Untuk Kajian Lanjutan   | 253     |
| Kesimpulan dan Penutup   | 254     |
| <br><b>BIBLIOGRAFI</b>   | <br>257 |
| <br><b>LAMPIRAN A : Surat Kebenaran Menjalankan Kajian</b>                   |         |
| <b>LAMPIRAN B : Surat Pelantikan Panel Penilai Kesahan<br/>Kandungan MKK</b> |         |
| <b>LAMPIRAN C : Borang Jawapan Panel Penilai Kesahan<br/>Kandungan MKK</b>   |         |
| <b>LAMPIRAN D : Modul Kesedaran Kerjaya</b>                                  |         |
| <b>LAMPIRAN E : Soal Selidik Kesahan dan Kebolehpercayaan<br/>MKK</b>        |         |
| <b>LAMPIRAN F : Inventori Kesedaran Kerjaya</b>                              |         |
| <b>BIODATA PELAJAR</b>   |         |

## SENARAI JADUAL

| Jadual | Muka Surat   |
|--------|--|
| 1      | Unsur dan Kesan Pendidikan Kerjaya Komprehensif 95   |
| 2      | Program Untuk Diri dan Kesedaran Kerjaya 99  |
| 3      | Program Pemilihan Vokasional 100   |
| 4      | Reka Bentuk Kumpulan Rawak Ujian-pra dan Ujian-pasca 152   |
| 5      | Senarai sekolah yang terlibat dalam kajian 159   |
| 6      | Skala Pemarkahan 169   |
| 7      | Pembahagian Markah 170   |
| 8      | Skor Kajian Rintis 173   |
| 9      | Tatacara Proses Menjalankan Kajian 198   |
| 10     | Tatacara Proses Kajian Rintis MKK 199  |
| 11     | Tatacara Proses Kajian Eksperimen MKK 199  |
| 12     | Soal Selidik Kesahan Kandungan MKK 210   |
| 13     | Pandangan Pakar terhadap kesahan kandungan MKK 211   |
| 14     | Kasahan kandungan MKK mengikut pandangan Guru Kaunselor Pelajar 212                                    |
| 15     | Pandangan Pakar terhadap kesahan kandungan MKK 214   |
| 16     | Keputusan Kajian Rintis Kebolehpercayaan Alat Ukuran MKK 217   |
| 17     | Keputusan Kajian Rintis Nilai Kebolehpercayaan MKK (mengikut unit modul) 218                           |
| 18     | Keputusan Kajian Nilai Kebolehpercayaan Alat Ukuran MKK terhadap enam orang Guru Kaunselor Pelajar 219 |



|    |   |     |
|----|---|-----|
| 19 | Keputusan Kajian Nilai Kebolehpercayaan MKK Terhadap enam orang Guru Kaunselor Pelajar (mengikut unit modul)              | 220 |
| 20 | Keputusan Kajian Nilai Kebolehpercayaan Alat Ukuran MKK terhadap kumpulan kajian  | 221 |
| 21 | Keputusan Kajian Nilai Kebolehpercayaan MKK terhadap Kumpulan kajian (Mengikut Unit Modul)                                | 222 |
| 22 | Min, Sisihan Piawai dan Ujian-t Kumpulan Eksperimen Bagi pemboleh ubah tahap kesedaran kerjaya                            | 224 |
| 23 | Min, Sisihan Piawai dan Ujian-t Kumpulan Kawalan Bagi pemboleh ubah tahap kesedaran kerjaya                               | 225 |
| 24 | Min, Sisihan Piawai dan Ujian-t bagi Ujian-pasca Kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan ke atas Tahap kesedaran kerjaya | 227 |

## SENARAI RAJAH

| <b>Rajah</b> |   | <b>Muka Surat</b> |
|--------------|---|-------------------|
| 1            | Model Teoretikal Kajian   | 16                |
| 2            | Model Pembinaan Modul Sidek   | 23                |
| 3            | Hubungan Antara Kesedaran Kerjaya dengan Kematangan Kerjaya                         | 79                |
| 4            | Modul Perkembangan Kerjaya Bersepadu  | 128               |
| 5            | Pemilihan Subjek kajian Secara Kombinasi Persampelan Rawak Kelompok dan Rawak Mudah | 162               |
| 6            | Proses Menguji Kesahan dan Kebolehpercayaan MKK                                     | 183               |

## SENARAI SINGKATAN

|                |  |
|----------------|--|
| KPM            | Kementerian Pelajaran Malaysia                     |
| PPD            | Pejabat Pendidikan Daerah                          |
| UPM            | Universiti Putra Malaysia                          |
| UKM            | Universiti Kebangsaan Malaysia                     |
| UTM            | Universiti Teknologi Malaysia                      |
| USIM           | Universiti Sains Islam Malaysia                    |
| IPGM           | Institut Pendidikan Guru Malaysia                  |
| SMK            | Sekolah Menengah Kebangsaan                        |
| STPM           | Sijil Tinggi Peperiksaan Malaysia                  |
| SPM            | Sijil Pelajaran Malaysia                           |
| PMR            | Penilaian Menengah Rendah                          |
| UPSR           | Ujian Penilaian Sekolah Rendah                     |
| IPS            | Inventori Personaliti Sidek                        |
| MKK            | Modul Kesedaran Kerjaya                            |
| IKK            | Inventori Kesedaran Kerjaya                        |
| SPSS           | <i>Statistical Packages for the Sosial Science</i> |
| ANOVA          | <i>Analysis of Variance</i>                        |
| H1             | Hipotesis Umum Pertama                             |
| H2             | Hipotesis Umum Kedua                               |
| H3             | Hipotesis Umum Ketiga                              |
| H <sub>A</sub> | Hipotesis Alternatif                               |
| H <sub>o</sub> | Hipotesis Sifar                                    |



|           |                  |
|-----------|------------------|
| N         | Bilangan sampel  |
| %         | Peratus          |
| dk        | Darjah kebebasan |
| <         | Kurang daripada  |
| >         | Lebih daripada   |
| <i>p</i>  | Aras signifikan  |
| <i>sp</i> | Sisihan piawai   |
| <i>r</i>  | Pekali korelasi  |
| <i>t</i>  | Ujian t          |
| L         | Lelaki           |
| P         | Perempuan        |

## **BAB 1**

### **PENGENALAN KAJIAN**

#### **PENGENALAN**

Bab ini akan membincangkan mengenai latar belakang kajian, pendekatan teori atau model teoritikal kajian, pembinaan modul, pernyataan masalah, tujuan kajian, kepentingan kajian, definisi operasional dan hipotesis-hipotesis kajian yang berkaitan dengan tahap kesedaran kerjaya serta kesan penggunaan modul kesedaran kerjaya ke atas tahap kesedaran kerjaya di peringkat pertumbuhan pelajar sekolah menengah.

#### **LATAR BELAKANG KAJIAN**

Sesungguhnya kerjaya merupakan sesuatu yang amat penting dalam kehidupan manusia. Menurut Sidek Mohd Noah (2002) kerjaya adalah sebagai satu perjalanan atau kemajuan seseorang dalam sesuatu lapangan kehidupan yang dijadikan bidang profesion atau pekerjaan pilihan sebagai satu cara untuk mencari nafkah. Neukrug, (2003) pula mendefinisikan kerjaya adalah keseluruhan kerja dan peranan dalam kehidupan yang mana seseorang itu boleh menerangkan tentang dirinya. Kerjaya yang dikemukakan tidak hanya





tertumpu kepada kemampuan pada pekerjaan sahaja tetapi bagaimana keseluruhan peranan kehidupan itu dinyatakan. Dengan lain perkataan kerjaya merupakan sesuatu persediaan yang dilakukan oleh seseorang sebelum ia melibatkan diri ke alam pekerjaan tersebut.

Terdapat perbezaan antara kerja dan kerjaya. Dillard (1985) menyatakan bahawa setengah individu mempunyai kerja tetapi bukan kerjaya. Kerja merujuk kepada pekerjaan yang sementara dan tidak berterusan manakala kerjaya ialah pekerjaan yang dipilih oleh individu untuk seumur hidupnya. Kerjaya perlu penglibatan dan latihan dan ia dapat menggambarkan kejayaan dalam bentuk kewangan dan personal yang stabil. Perbezaan ini membawa implikasi bahawa setiap individu mempunyai harapan ingin mencebur diri dalam bidang kerjaya yang memberi kepuasan intrinsik dan ekstrinsik kepada diri sendiri. Oleh itu sebelum menceburi dalam sesuatu bidang kerjaya, individu perlu membuat penilaian dengan teliti untuk memilih pekerjaan yang sesuai dengan dirinya.

Sidek Mohd Noah (2002) telah membuat kesimpulan bahawa kerjaya termasuklah segala persediaan sebelum seseorang itu menceburkan diri dalam dunia pekerjaan sebenar dan juga peranan-peranan lain yang dilakukan olehnya selepas bersara. Kerjaya juga merangkumi pemilihan sesuatu pekerjaan, melaksanakan tugas yang diamanahkan dan menjalankan aktiviti-aktiviti selepas bersara bertujuan memenuhi keperluan fizikal, mental, rohani dan psikologi individu.